



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 7 JULAI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SYOR HARGA KAWALAN RM28 UNTUK 10KG, LOKAL, HM-18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TIADA LAGI ADUAN LABEL BERAS DITUKAR, NEGERI, KOSMO-16	
3.	KERAJAAN NEGERI TIADA KUASA PERANGI KARTEL PADI DI KEDAH, DLM NEGERI, UM-30	
4.	RICE LABEL SWITCH: MINISTRY HAS NO PROOF, NEWS, NST-6	
5.	RELA BERHENTI KERJA NAK JADI PENGEMBALA, NASIONAL, BH-21	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2023	HARIAN METRO	LOKAL	18

lokal

KEKURANGAN BEKALAN BERAS SST

Syor harga kawalan RM28 untuk 10kg

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) perlu mengadakan perbincangan dengan pembekal, pemorong dan Padibernas Nasional Berhad (Bernas) bagi menyelesaikan pelbagai isu bekalan beras negara.

Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barim), Ismail Awang berkata, banyak isu membabitkan beras negara perlu diteliti dan diselesaikan dengan segera.

"Misalnya beras super spesial tempatan (SST), bukan hanya bekalannya berkurangan di pasaran, tetapi pengilang juga terpaksa tanggung kenaikan kos seperti buruh, pengangkutan, utiliti, pembungkusan dan sebagainya.

"Sebenarnya, harga kawalan RM26 untuk 10 kilogram (kg) beras SST itu sudah hampir 10 tahun tidak diubah jadi kerajaan kena kaji semula dengan melihat keadaan semasa.

"Untuk mencapai situasi menang-menang, kerajaan wajar mengubah harga kawalan beras SST kepada RM28 hingga RM30 (10kg) sesuai dengan perubahan semasa," katanya.

Beliau berkata demikian



BARIM memaklumkan harga kawalan RM26 untuk 10kg beras SST hampir 10 tahun tidak ditbah jadi kerajaan kena kaji semula dengan melihat keadaan semasa.

mengulas isu kekurangan bekalan beras SST di pasaran pada masa ini disebabkan pengeluaran padi beras negara terjejas akibat cuaca panas.

Katanya, perbincangan segera dengan pihak berkaitan dalam industri penting bagi mengelak keadaan semakin buruk termasuk lebih ramai pembekal Bumiputera gulung tikar.

"Kami harap kerajaan da-

pat berbincang dengan pembekal, pemorong dan Bernas bagi menyelesaikan semua isu berkaitan beras termasuk bekalan kurang dan perubahan harga kawalan sewajarnya.

"Kalau tak buat perbincangan segera, kami bimbang lebih ramai pengilang padi Bumiputera terjejas dan gulung tikar.

"Malah, dikhuatiri penye-

ludupan beras melalui lorong tikus akan berleluasa, sekali gus merugikan negara," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Barim mendakwa, Bernas menaikkan harga borong beras SST secara berterusan sejak April lalu kepada RM2.250 bagi satu metrik tan berbanding RM2.050 sebelum itu.

Malah, awal bulan lalu, Menteri KPKM Mohamad Sabu dilaporkan memberi jaminan beras SST kekal pada harga RM2.60 sekilogram.



SALAHUDDIN (dua dari kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Jaya Grocer dan Pengarah Urusan Grab Malaysia Adeline Foo (tiga dari kiri) melawat supermarket ketika merasmikan Inisiatif Payung Rahmah bersama Jaya Grocer dan Grab Malaysia di sebuah pusat beli-belah. - Gambar NSTP/AMIRUDIN SAHIB

KPDN belum terima aduan isu tukar label beras

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) belum menerima sebarang aduan berhubung penukaran label kampil beras yang dilaporkan berlaku, baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, isu beras terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

"Dalam isu ini, kami masih menunggu aduan dan setakat ini, belum ada aduan diterima. Jika ada aduan diterima, kami akan lihat perkara ini.

"Setakat ini, kami tidak dapat lagi bukti perkara ini (tukar label beras tempatan kepada import) berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan pelancaran Inisiatif Payung Rahmah bersama Jaya Grocer dan Grab

Malaysia di sebuah pusat beli-belah, di sini, semalam.

Salahuddin berkata, KPDN dan KPKM akan meneruskan kolaborasi bagi memantau isu berkenaan.

"Dalam mesyuarat Kabinet semalam, kedua-dua kementerian ini ada berbincang mengenai perkara ini.

"Pastinya kami akan memantau dan buat sesuatu termasuk mengambil tindakan jika aduan itu didapati benar.

"Pada masa sama, KPKM juga menjalankan Op Beras Putih dalam usaha memantau isu ini," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan segelintir pemborong beras didakwa cuba memanipulasi harga kawalan ditetapkan kerajaan dengan menukar kampil beras tempatan kepada kampil beras import bagi mengaut keuntungan besar.



SALAHUDIN (dua dari kanan) beramah mesra dengan wakil komuniti pemandu orang kurang upaya selepas menyampaikan bantuan bakul rahmah di KL East Mall, Kuala Lumpur semalam.

Tiada lagi aduan label beras ditukar

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) setakat ini belum menerima sebarang aduan berhubung isu penukaran label kempit beras tempatan kepada kempit beras import yang dilaporkan baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, isu beras terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Kawalselia Padi dan Beras (KFPB).

"Dalam isu ini, kita masih lagi menunggu aduan dan setakat ini,

masih belum ada aduan diterima. Jika ada aduan diterima, kita akan lihat perkara ini.

"Setakat ini, kita tidak dapat lagi bukti perkara ini (tukar label beras tempatan kepada import) berlaku," katanya kepada pemberita pada pelancaran Inisiatif Payung Rahmah bersama Jaya Grocer dan Grab Malaysia di KL East Mall di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata KPDN dan KPKM akan meneruskan kolaborasi bagi memantau isu berkenaan, malah kedua-dua kementerian turut berbincang mengenainya pada mesyuarat

Kabinet kelmarin.

"Pastinya kita akan memantau dan buat sesuatu termasuk mengambil tindakan jika aduan itu didapati benar. Pada masa sama, KPKM juga menjalankan Op Beras Putih dalam usaha memantau isu ini," jelasnya.

Terdahulu, media melaporkan ada pemborong beras didakwa cuba memanipulasi harga kawalan ditetapkan kerajaan dengan menukar kempit beras tempatan kepada kempit beras import

Taktik itu dilakukan kerana harga beras import tidak dikawal kerajaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Kerajaan negeri tiada kuasa perangi kartel padi di Kedah

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
aimy.ahmad@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa memerangi kartel padi yang membelunggu industri itu di Kedah sehingga mengikat pesawah di semua peringkat apabila tuaian setiap musim berbaki RM1,500 berbanding jualan sebenar RM5,000 bagi setiap hektar sawah diusahakan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Azman Nasrudin berkata, pembekalan bahan input bersubsidi baja dan racun tanaman padi kepada pesawah di Kawasan Muda misalnya, dilakukan melalui Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP).

Katanya, bukan sahaja SBPKP, bahkan Skim Insentif Penanaman Padi (SIPP) juga dikendalikan oleh agensi di bawah Kerajaan Persekutuan.

"Bekalan baja akan dihantar oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang bertindak sebagai stokis dan akan ditempatkan di stor-stor yang disediakan di dalam pekarangan PPK itu sebelum diedarkan secara berperingkat kepada pesawah di bawah seliaan mereka.

"Manakala pengedaran racun akan diuruskan oleh syarikat racun yang berdaftar dengan pihak NAFAS dan pengagihan racun adalah mengikut pilihan daripada pesawah," katanya di sini semalam.

Pada Ahad lalu, *Mingguan*



Kerajaan negeri memerangi isu berkenaan dengan cara memperkenalkan Program Smart Sawah Berskala Besar (SBB). Pesawah juga digalakkan menyertai Projek Penanaman Padi Berskala Besar (PPSB) MADA."

AZMAN NASRUDIN

Malaysia melaporkan pendedahan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor mengenai penguasaan kartel di semua peringkat berkaitan penanaman padi bermula dari membajak, baja, benih, racun, potongan dan timbangan padi.

Kata beliau, golongan pesawah yang terikat kepada kartel menjadi

punca industri padi dan beras di Kedah terus statik atau berada di takuk lama.

Muhammad Sanusi berkata, setiap tahun isu tersebut menjadi rungutan pelbagai pihak terutama pesawah, namun sehingga kini tidak ada pihak-pihak terlibat yang sanggup memerangi kartel yang mengawal input pertanian, timbangan padi di kilang serta jentera dan mesin pembajak yang digunakan pesawah.

Tambah Azman, bagi mengurangkan kebergantungan pesawah di negeri itu kepada kartel atau orang tengah, kerajaan negeri memerangi isu berkenaan dengan cara memperkenalkan Program Smart Sawah Berskala Besar (SBB).

"Pesawah juga digalakkan menyertai Projek Penanaman Padi Berskala Besar (PPSB) MADA. Ia dikhususkan kepada semua pesawah di Kawasan Muda untuk menguruskan tanaman padi dengan keluasan lebih besar bagi memastikan penghasilan tanaman yang lebih baik serta kos operasi yang lebih minimum.

"Melalui projek berteraskan estet ini, pesawah akan diberi peruntukan modal operasi untuk membantu dalam pembiayaan kos operasi tanaman padi dan pesawah digalakkan untuk turut sama menjadi sebahagian daripada sumber rantaian nilai pengeluaran padi atau usahawan padi," katanya.



AZMAN NASRUDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2023	NEW STRAITS TIMES	DALAM NEGERI	30

PRICE MANIPULATION ALLEGATIONS

Rice label switch: Ministry has no proof

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry has not received any complaints on the switching of labels for rice from local to imported, which is said to be happening of late.

Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the rice issue was under the jurisdiction of the Agri-

culture and Food Security Ministry via the Padi and Rice Control Office.

“So far, we do not have any proof or evidence on this matter (the changing of local rice label to imported),” he said.

He said this after the launch of the Payung Rahmah Initiative to-

Rela berhenti kerja nak jadi pengembala

Bekas kakitangan kerajaan puas hati kambing Boer beri hasil lumayan

Dungun: Tiga tahun lalu, Mohd Rizwan Ali, 42, seorang pegawai kerajaan di Putrajaya, namun kerana minat dalam penternakan, beliau kini pengembala kambing Boer.

Mohd Rizwan dari Kampung Che Ljjah berkata, beliau tidak pernah menyesal berhenti kerja semata-mata untuk menernak kambing di kampung.

"Saya nekad berhenti kerja kerana yakin potensi ternakan kambing boleh mendatangkan hasil lebih lumayan," katanya.

Mohd Rizwan berkata, beliau bermula dengan tiga kambing Boer yang dibeli daripada rakannya RM10,000 pada 2020.

"Kebetulan saya mendapat duit Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM10,000 dan wang itu diguna sebagai modal menernak kambing.

"Hasil jualan lebih 10 anak kambing Boer RM3,500 hingga RM7,500 seekor, saya simpan sebelum membeli pembaka lebih berkualiti.

"Terbaharu saya membeli pembaka Boer dari Afrika Selatan RM17,000 dan induk betina kambing Boer berharga RM9,000 dari Australia bagi memastikan kualiti anak kambing menempati piawaian antarabangsa," katanya yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sukan dan Rekreasi dari Universiti



Mohd Rizwan bersama kambing Boer seberat 100 kilogram dari Afrika Selatan yang dibeli dengan harga RM7,000 seekor untuk dijadikan baka.

(Foto Ahmad Rabul Zulkifli/BH)

Teknologi MARA (UITM).

Sambutan meningkat

Bellau berkata, penternakan kambing Boer masih baru di negeri ini, namun sambutan semakin meningkat.

"Kambing ini jenis pedaging dan boleh membesar dua hingga tiga kali ganda daripada kambing kampung.

"Kambing Boer jantan dari Afrika Selatan yang baru dibeli itu seberat 100 kilogram dan bertambah besar bergantung pemakanan," katanya.

Mohd Rizwan berkata, penternakan kambing Boer berpotensi besar, cuma tidak ramal yang berani menceburi kerana modal besar.

"Kambing Boer dijual bergantung kepada kualiti. Semakin

berkualiti dan menempati piawaian, semakin bernilai.

"Saya pastikan baka kambing Boer yang dihasilkan itu menempati piawaian pertandingan kambing Boer tercantik," katanya.

Mohd Rizwan berkata, kambing Boer paling mahal pernah adalah RM7,500 seekor tahun lalu.